

04 APR 2002  
Sukan-Skuasy (Maniam)  
SRAM TERIMA PELETAKAN JAWATAN MANIAM

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) telah menerima peletakan jawatan pengarah kejurulatihan dan ketua jurulatih kebangsaannya Mej (B) S. Maniam.

Maniam akan mengambil alih jawatan pengarah kejurulatihan Persekutuan Skuasy Asia (ASF) dan juga sebagai perunding skuasy kepada Persekutuan Skuasy India (SRFI).

Pengarah eksekutif SRAM Lt Kol (B) Wong Ah Jit berkata persatuan dalam mesyuarat bulanan jawatankuasa pengurusan hari ini menerima peletakan jawatan Maniam.

"Mesyuarat hari ini dipengerusikan oleh pemangku presiden Datuk Mokhzani Mahathir dengan dihadiri oleh pengarah bahagian antarabangsa Majlis Sukan Negara Ahmad Shapawi Ismail.

"Satu daripada isu yang dibincangkan ialah peletakan jawatan Mej (B) S. Maniam daripada SRAM sebagai pengarah kejurulatihan dan ketua jurulatih kebangsaan. Selepas perbincangan, jawatankuasa pengurusan menerima peletakan jawatannya," kata Wong dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata Mokhzani melahirkan penghargaan bagi pihak persatuan kepada Maniam atas sumbangan dan perkhidmatannya selama ini yang membolehkan sukan itu di Malaysia mencapai taraf tinggi dalam arena skuasy antarabangsa.

Maniam telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia selama 20 tahun dan 15 tahun lagi dengan SRAM.

Wong berkata pelantikan Maniam dalam ASF adalah kena pada masanya kerana skuasy akan cuba untuk dimasukkan sebagai acara dalam Sukan Olimpik di Beijing pada 2008.

"Tugas yang menanti beliau dalam ASF ialah membangunkan skuasy di China dengan sokongan Skuasy Hong Kong.

Maniam akan berlepas ke Chennai, India pada 20 Mei.

-- BERNAMA

HRS MAD FAZ